

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :**

(a) apakah rasional tindakan Kementerian membenarkan PERKESO mengambil alih JobsMalaysia di saat rakyat sedang menghadapi kehilangan pekerjaan akibat COVID-19; dan

(b) apakah nasib kakitangan JobsMalaysia akibat proses pengambil alihan ini memandangkan ramai pekerja berpengalaman dalam pelaksanaan program 'job matching'.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. JobsMalaysia berperanan sebagai Perkhidmatan Pekerjaan Awam (*Public Employment Services - PES*) untuk memberikan perkhidmatan *Job Brokerage*. *JobsMalaysia* melaksanakan pepadanan dan membantu penempatan pekerjaan bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja dalam pasaran buruh ke arah merealisasikan dasar pasaran buruh aktif (*Active Labour Market Policy*).

3. Susulan daripada pandemik COVID-19 yang melanda negara, Kementerian telah melaksanakan inisiatif PenjanaKerjaya di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bertujuan meransang permintaan pekerjaan di kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpasaran di kalangan pencari kerja tempatan. Kebanyakan inisiatif di bawah PENJANA adalah dilaksanakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan menggunakan portal penyedia perkhidmatan pekerjaan, MyFutureJobs. Seperti mana JobsMalaysia, portal MyFutureJobs juga membantu majikan mengisi kekosongan jawatan, mempromosikan kekosongan jawatan secara aktif, membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan dan melaksanakan profiling pencari kerja dan kekosongan jawatan.

4. Mengambil kira keperluan memastikan insentif yang disediakan oleh Kerajaan disalurkan secara efisien, cepat dan mudah diakses oleh golongan sasaran, Kementerian telah mengambil langkah menumpukan pelaksanaan perkhidmatan padanan pekerjaan kepada MyFutureJobs bagi melaksanakan perkhidmatan yang bersifat setempat atau *one stop*.

5. Langkah ini diharapkan dapat meningkatkan mobilisasi tenaga kerja negara dengan memastikan penyertaan tenaga kerja secara optimum melalui penjodohan pencari kerja dan kekosongan jawatan yang lebih sistematik. Pengukuhan perkhidmatan pekerjaan di negara ini juga akan dapat memantau kekosongan jawatan di semua sektor yang sesuai diisi oleh pekerja tempatan. Pelaksanaan ini merupakan satu dasar yang akan memberi kesan positif yang signifikan secara jangka panjang kepada negara serta berupaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan negara.

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

6. Pegawai-pegawai yang bertugas di JobsMalaysia adalah terdiri dari pegawai dari Skim Perhubungan Perusahaan di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Secara umumnya JTK adalah jabatan yang bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan undang-undang perburuhan dan perjanjian antarabangsa di Malaysia.

7. Dengan keadaan semasa di mana permohonan untuk pertambahan perjawatan baru adalah amat terhad, perjawatan pegawai Perhubungan Perusahaan di JobsMalaysia boleh diambilkira dalam melaksanakan langkah penyusunan semula organisasi bagi memperkukuh fungsi penguatkuasaan undang-undang perburuhan. Perkara ini selaras dengan penambahan bidang tugas dan skop penguatkuasaan JTK seiring pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang seperti berikut:

- (i) Akta Kerja 1955 (sedang dalam pindaan);
- (ii) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Pindaan 2017);
- (iii) Akta Penggajian Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 (Pindaan 2018);
- (iv) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja Akta 446;
- (v) Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753); dan
- (vi) Akta Majlis Perundingan Negara 2011 (Akta 732).

Sekian, terima kasih.